

29/10/2000

Polis siasat pengakuan burukkan kerajaan

ALOR STAR: Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohd Ezam Mohd Noor yang mengaku memburukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negara, akan disiasat.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner Abdul Jalal Mohamed Yunus, berkata siasatan itu dilakukan selepas dua lelaki membuat laporan polis semalam, mengenai pengakuan Mohd Ezam memburukkan Perdana Menteri.

Menurutnya, laporan pertama oleh Ketua Umno cawangan Changkat Beruas, Perak dibuat di Ibu Pejabat Polis Dang Wangi, Kuala Lumpur dan kedua Ketua Umno cawangan Kuala Kedah di Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Star.

Beliau berkata, laporan di dua tempat berasingan itu meminta polis menyiasat terhadap kenyataan Ketua Pemuda Keadilan yang dikatakan bersifat hasutan.

"Justeru itu, polis membuka kertas siasatan dan akan memanggil saksi-saksi yang terbabit," katanya di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan maklumat mengenai dua ketua cawangan yang membuat laporan dan isi kandungannya.

Menurutnya, siasatan itu akan dibuat mengikut Akta Hasutan.

Baru-baru ini, Mohd Ezam dilaporkan mengaku mengadakan kempen memburukkan pemimpin negara di Amerika Syarikat dan Eropah.

Ketika berucap pada perhimpunan Gerakan Mengembalikan Hak-Hak Rakyat dianjurkan Pas dan Keadilan di Batu Tiga Tandop, dekat Alor Star, Isnin lalu, beliau dipetik sebagai berkata: "Memang benar, kerja saya di Amerika Syarikat dan Eropah baru-baru ini adalah untuk menyatakan keburukan Perdana Menteri Malaysia."

Selain itu, beliau juga mencabar kerajaan dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar untuk mendakwanya di mana-mana mahkamah di negara ini ekoran perbuatannya itu.

Semalam, pelbagai pihak mengutuk tindakan Mohd Ezam dan rata-rata menganggap tindakan itu sebagai penderhaka dan tidak menghormati keperluan rakyat untuk terus hidup dalam suasana aman dan sejahtera.

(END)